

Pada 29 April lalu, di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Mohd. Yassin, melancarkan Majlis Dialog Nasional Pendidikan Negara. Beliau menegaskan bahawa selepas tiga fasa transformasi sepanjang tempoh 55 tahun kemerdekaan, sudah tiba masanya negara menganjak ke satu lagi fasa transformasi selaras dengan hasrat kerajaan menjadikan Malaysia negara maju berpendapatan tinggi. Lantaran itu, perlu ada satu kajian semula sistem pendidikan negara yang merangkumi pendidikan rendah dan menengah dan dilaksanakan sejak September 2011. Banyak pihak melihat usaha kajian semula

ini penting bagi menilai prestasi pencapaian sistem pendidikan negara hari ini. Acuan yang ingin dihasilkan mestilah acuan transformasi yang mampu menerobos segala halangan dan cabaran. Dalam merealisasikan usaha tersebut, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) menjadi "tulang belakang" yang menggalas tanggungjawab yang besar. Sehubungan dengan hal itu, untuk mendapatkan pandangan yang lebih lanjut, *Dewan Masyarakat* mewawancara Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Tan Sri Abd. Ghafar Mahmud, di pejabatnya di Putrajaya pada Julai lalu.

Menilai Pencapaian Sistem Pendidikan Negara

Oleh Aninah Janang dan Shamsiah Abd. Kadir

DM: KPM menjadi tunggak utama dalam memacu sistem pendidikan di negara ini. Setelah pelbagai peringkat penambahbaikan, mengapakah perlu ada kajian semula pendidikan?

KPM berjaya menghasilkan beberapa laporan pendidikan yang menjadi asas pengukuhan sistem pendidikan negara. Laporan Razak 1956 dan Laporan Jawatankuasa Kabinet 1979 merupakan laporan penilaian yang menjadi dasar penambahbaikan dan melonjakkan sistem pendidikan negara ke arah menghasilkan masyarakat yang bersatu padu dan berkemahiran. Setelah lebih 22 tahun, KPM perlu mengkaji semula sistem pendidikan negara dan menghasilkan laporan pendidikan yang baharu bagi menetapkan hala tuju pendidikan untuk masa depan negara.

Kajian semula sistem pendidikan negara merangkumi pendidikan rendah dan menengah dan dilaksanakan sejak September 2011. Kajian semula ini penting bagi menilai prestasi pencapaian sistem pendidikan sekarang berbanding dengan objektif asalnya sejak merdeka. Selain itu, kajian ini juga penting untuk memahami punca yang menyebabkan sistem pendidikan mencapai tahap prestasi tersebut. Dalam Rancangan Malaysia ke-10, kerajaan menyarankan

supaya sistem pendidikan negara dibuat penambahbaikan untuk mewujudkan sistem pendidikan yang lebih berkualiti dan mampu melahirkan tenaga kerja yang dapat menyumbang kepada perkembangan ekonomi negara dan menuju ke arah negara berpendapatan tinggi. Modal insan negara yang dihasilkan perlu mempunyai pengetahuan dan kemahiran tinggi serta berakhlak mulia bagi menghadapi persaingan hebat ekonomi global. Sehubungan dengan hal itu, KPM bertanggungjawab untuk menyediakan satu sistem pendidikan yang memenuhi tuntutan rakyat dan keperluan bakat negara yang baharu serta setanding dengan sistem pendidikan negara maju.

Apakah ruang lingkup kajian semula pendidikan yang ingin dilaksanakan?

KPM berusaha menilai semula sistem pendidikan negara secara menyeluruh, khususnya prestasi pencapaian dalam tiga perkara yang telah menjadi teras pendidikan sejak dahulu lagi, iaitu akses, kualiti dan ekuiti, serta menilai kedudukan pada masa ini dan merangka aspirasi pendidikan masa akan datang.

Berdasarkan Laporan Penilaian Sistem Pendidikan Negara 2012, terdapat sembilan bidang keutamaan yang menjadi tumpuan



Tan Sri Abd. Ghafar Mahmud

dalam transformasi pendidikan, iaitu guru, kepimpinan sekolah, kualiti sekolah, kurikulum dan penaksiran, profesion pelbagai bahasa, peluang pendidikan dan kerjaya, peranan ibu bapa dan komuniti serta sektor swasta, kecekapan dan keberkesanan sumber kementerian, serta kapasiti dan keupayaan sistem penyampaian kementerian.

Tempoh kajian tersebut?

Kajian semula sistem pendidikan negara melalui dua fasa, iaitu fasa pertama (September 2011 hingga Februari 2012) yang melibatkan penilaian sistem pendidikan negara, dan fasa kedua (Mac hingga Disember 2012); yang merangkumi penghasilan Pelan Pembangunan Pendidikan dan Pelan Strategi Pendidikan.

Kini, KPM menghasilkan Laporan Penilaian Sistem Pendidikan Negara dan sedang menyediakan Pelan Pembangunan Pendidikan bagi tempoh 15 tahun dan Pelan Strategi Pendidikan bagi tempoh tiga tahun pertama pelaksanaan. Laporan awal pembangunan pendidikan akan dilancarkan pada Ogos 2012 dan laporan akhirnya pula akan diumumkan pada akhir tahun 2012.

Setelah laporan awal pelan pembangunan pendidikan dilancarkan, KPM akan mengadakan beberapa hari terbuka bagi mendapatkan input penting daripada rakyat terhadap pelan tersebut sebelum laporan akhir dikeluarkan pada Disember tahun ini.

Apakah cabaran terbesar dalam mengkaji semula sistem pendidikan?

Antara cabaran besar yang dihadapi termasuklah mengetahui aspirasi atau apa-apa yang dihasratkan oleh rakyat daripada sistem pendidikan di negara ini. Selaras dengan slogan 1Malaysia, "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan", KPM mengadakan Dialog Nasional Pendidikan Negara bagi memperoleh pandangan dan cadangan daripada semua lapisan masyarakat bagi meningkatkan kualiti pendidikan.

Proses untuk mengumpul pandangan dan cadangan dilaksanakan melalui beberapa siri dialog bermula pada 9 April lalu dan tamat pada 14 Julai lalu. Selain itu, turut diadakan juga dialog secara berfokus atau rundingan meja bulat bersama-sama pertubuhan, kesatuan, dan badan bukan kerajaan. KPM juga mengadakan

perbincangan bersama-sama pakar dan tokoh terkemuka, seperti mantan perdana menteri dan mantan menteri pelajaran, sebagai usaha dan langkah ikatan dengan rakyat bagi mendapatkan pandangan serta harapan mereka terhadap sistem pendidikan negara yang relevan dengan perkembangan dunia masa ini.

KPM juga memperoleh input daripada rakyat melalui memorandum dan pandangan secara dalam talian menerusi myeduteview.com, Facebook, Twitter, dan melalui tinjauan dan memorandum bagi memahami tujuan KPM menjalankan kajian semula sistem pendidikan dan aspirasi yang ingin dicapai. Dunia pendidikan sentiasa berubah dengan pantas dan standard kualiti pendidikan kian meningkat. KPM perlu memastikan sistem pendidikan negara relevan dengan perkembangan dunia pendidikan abad ke-21 dan memenuhi tuntutan ibu bapa masa ini serta pada masa yang sama relevan dengan keperluan pembangunan masyarakat dan negara.

Lantaran itu, KPM perlu mendapatkan sokongan daripada warga pendidikan dan semua lapisan rakyat bagi memastikan semua pihak dapat bersama-sama bertanggungjawab dalam membangunkan sistem pendidikan yang berkualiti setanding dengan sistem pendidikan negara maju, demi bangsa Malaysia. Segala pandangan, cadangan dan maklumat menjadi landasan dan input penting dalam penyediaan laporan pembangunan pendidikan.

Adakah sistem pendidikan negara yang sedia ada tidak setanding dengan negara maju?

Sekiranya negara ingin mencapai status negara maju dan menjadi negara berpendapatan tinggi pada 2020, sistem pendidikan negara perlu berubah. Sistem pendidikan sedia ada kini setanding dengan negara maju dalam beberapa aspek, seperti penyediaan sekolah di seluruh negara, penyertaan murid pada pendidikan rendah dan menengah, penyediaan guru terlatih yang cukup, penambahbaikan nisbah guru kepada murid, penyediaan komputer bagi pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran, serta kebajikan dan gaji guru.

Namun begitu, beberapa penambahbaikan masih perlu dilakukan supaya sistem pendidikan sedia ada setanding dengan negara maju antaranya,

dari segi akses, penyertaan murid masih boleh diperbaiki supaya mencapai penyertaan universal pada semua peringkat pendidikan iaitu daripada pendidikan prasekolah sehingga menengah atas.

Dari segi kualiti, dapatan kajian TIMSS (Sains dan Matematik) dan PISA (Literasi, Sains dan Matematik) yang mentaksirkan aspek pengetahuan, aplikasi dan pnaakulan pada peringkat antarabangsa, negara kita perlu meningkatkan kualiti atau prestasi bagi menambahbaikan kedudukan berbanding dengan negara maju. Memandang Malaysia sedang menuju ke arah negara yang didorong oleh inovasi, penambahbaikan sistem pendidikan masih perlu dilakukan untuk meningkatkan kualiti pendidikan negara. Antaranya, dalam menyediakan murid dengan pemikiran kreatif dan inovatif, kemahiran pemikiran aras tinggi, dan menjadikan murid berdikari dalam pembelajaran dan menggunakan teknologi, maklumat dan komunikasi sebagai alat pembelajaran.

Dari segi ekuiti pula, jurang pendidikan dapat dikurangkan dalam banyak aspek, tetapi masih wujud, termasuk antara negeri, daerah, lokasi bandar dan luar bandar, jenis sekolah dan tahap sosioekonomi.

Kepakaran atau unit dilantik dari dalam dan luar negara untuk menilai secara tuntas kajian tersebut. Boleh Tan Sri terangkan dengan lebih lanjut, siapakah mereka?

Kajian ini merupakan usaha utama KPM dan dilaksanakan oleh Pejabat Pengurusan Projek (PMO). Pencapaian dan hala tuju pendidikan yang disetujui perdana menteri dan timbalan perdana menteri. PMO bertindak sebagai sekretariat bagi membantu merancang, menyelaras dan melaksanakan kajian semula sistem pendidikan negara. PMO diketuai timbalan ketua pengarah (dasar) dan terdiri daripada 10 orang pegawai yang dipilih daripada pelbagai latar belakang kepakaran termasuk perancangan, penilaian, pengubalan dasar, latihan guru dan kepimpinan, analisis data dan sistem serta teknologi maklumat. Bagi memastikan pelaksanaannya lancar dan mencapai objektifnya, satu pasukan petugas yang diketuai Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia ditubuhkan dan perjumpaan diadakan untuk menyediakan kepimpinan dan pemutusan dalam perancangan pelaksanaan kajian semula sistem pendidikan negara dan

SEMBILAN BIDANG KEUTAMAAN UNTUK PERBINCANGAN

1. Guru	Mentransformasikan dan menyegarkan profesion keguruan sebagai profesion utama pilihan.
2. Kepimpinan sekolah	Mentransformasikan dan meningkatkan keupayaan kepimpinan pemimpin sekolah sedia ada dan akan datang.
3. Kualiti sekolah	Meningkatkan kualiti pengajaran di sekolah dan memastikan setiap sekolah memenuhi standard garis asas yang minimum bagi infrastruktur.
4. Kurikulum dan penaksiran	Memperkuhkan dan mengantarabangsakan rangka kerja kurikulum dan penaksiran.
5. Kecekapan pelbagai bahasa	Memperkuhkan bahasa Melayu, meningkatkan kecekapan bahasa Inggeris dengan cepat dan memperluas peluang setiap kanak-kanak untuk mempelajari bahasa ketiga.
6. Peluang lepasan menengah	Meningkatkan kesediaan murid untuk pendidikan tinggi dan pekerjaan dalam pasaran kerja.
7. Ibu bapa, komuniti sektor swasta	Menganjak sistem pendidikan daripada "sistem sekolah" kepada "sistem pembelajaran" dengan lebih penglibatan ibu bapa, komuniti dan sektor swasta.
8. Kecekapan dan keberkesanan sumber kementerian	Mengurangkan pembaziran, merasionalkan program menjimatkan kos dan meningkatkan produktiviti KPM JPN dan Pejabat Pelajaran Daerah (PPD).
9. Kapasiti dan keupayaan sistem penyampaian kementerian	Meningkatkan penyampaian dan pelaksanaan: Membina kapasiti kepimpinan KPM, JPN dan PPD.

Kerajaan menyediakan peruntukan yang besar untuk meningkatkan pencapaian pendidikan secara menyeluruh. Komen Tan Sri.

Pendidikan sentiasa menjadi agenda utama kerajaan. Sejak mencapai kemerdekaan, pendidikan dilihat sebagai wahana penting bagi pembangunan masyarakat dan negara. Oleh hal yang demikian, kerajaan sangat komited dan memperuntukkan belanjawan yang besar, iaitu hampir RM 30 bilion, kepada pendidikan agar dapat dimanfaatkan sebagai pelaburan untuk melahirkan modal insan yang berilmu pengetahuan dan berkemahiran yang dapat memajukan masyarakat dan negara. Pelaburan tinggi kerajaan terhadap transformasi pendidikan menunjukkan keseriusan kerajaan terhadap perkembangan terkini pendidikan bagi melahirkan modal insan yang mempunyai pemikiran kritis, kreatif, inovatif, berdaya saing, berakhlak dan berperibadi mulia.

Dengan peruntukan tersebut, banyak program dan projek dapat dilaksanakan dalam meningkatkan prestasi pencapaian sistem pendidikan negara. Kejayaan sistem

pendidikan tersebut dapat dilihat dalam keberhasilan murid dari segi akses, kualiti dan ekuiti, iaitu asas dalam penyediaan pendidikan sejak dahulu hingga sekarang.

Dari segi akses, penyertaan murid pada peringkat rendah dan menengah rendah mencapai kadar hampir universal, sementara penyertaan murid pada peringkat prasekolah dan menengah atas meningkat dengan kadar yang cepat. Hal ini turut membolehkan tahap pencapaian pendidikan populasi di Malaysia bertambah baik secara signifikan sejak 60 tahun lepas.


Dari segi kualiti, pencapaian akademik murid menunjukkan peningkatan tahun demi tahun dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan SPM.

Dari segi ekuiti, jurang pencapaian murid antara bandar dengan luar bandar dan tahap sosioekonomi berkurangan berkat program sokongan dan bantuan yang dapat disediakan bagi menaja kejayaan murid agar tiada pelajar tercirik akibat kemiskinan.

Banyak lagi usaha yang perlu dilakukan bagi menangani isu dan

cabaran serta mentransformasikan sistem pendidikan. Peruntukan yang cukup diperlukan bagi terus meningkatkan prestasi pencapaian pendidikan. Pada masa yang sama, KPM juga berusaha untuk meningkatkan keberkesanan sumber supaya dapat mencapai pulangan pelaburan dalam pendidikan yang optimum.

Kenyataan Tan Sri Muhyiddin Mohd. Yasin bahawa "hanya guru yang berkualiti dapat mewujudkan pendidikan yang berkualiti". Komen Tan Sri.

Merujuk Dialog Nasional, orang awam mengatakan bahawa peningkatan kualiti pendidikan bermula daripada kualiti guru. Dalam sembilan bidang keutamaan, KPM meletakkan kualiti guru sebagai bidang yang utama. Hal ini dikatakan demikian kerana guru dilihat sebagai tulang yang berada di barisan hadapan dalam membimbing pelajar. Guru bukan sahaja dilihat sebagai orang yang menyampaikan ilmu, tetapi boleh memberikan motivasi, membimbing sahsiah kepimpinan dan pelbagai lagi. 

punca sistem pendidikan mencapai tahap tersebut dan meraikan kejayaan yang dicapai. Berdasarkan penilaian tersebut, KPM dapat menjelaskan visi dan aspirasi baharu berdasarkan standard antarabangsa dan memenuhi keperluan baharu bakti bagi negara, dan mengenal pasti sembilan bidang keutamaan untuk menjadi tumpuan khusus dalam penghasilan pelan pembangunan pendidikan jangka panjang

■ Menyediakan pelan pembangunan dan pelan strategik pendidikan untuk transformasi sistem pendidikan – untuk meningkatkan standard dan merapatkan jurang pencapaian. Untuk tujuan ini, KPM melaksanakan Dialog Nasional Pendidikan Negara bagi mendapatkan input daripada rakyat melalui perbincangan meja bulat, riyat dalam talian dan luartalian. KPM juga mendapat nasihat kepakaran daripada panel penilai bebas daripada tokoh tempatan dan antarabangsa terhadap kajian semula ini.

■ Merangka transformasi KPM yang menjadi panduan kepada kementerian lain untuk mencapai aspirasi negara.

Dalam bidang keberhasilan pula, kajian semula ini menghasilkan tiga dokumen utama, iaitu Laporan Penilaian Sistem Pendidikan Negara (siap pada Februari 2012 dan menjadi input kepada Pelan Pembangunan Pendidikan); Pelan Pembangunan Pendidikan (laporan awal akan dilancarkan pada Ogos 2012 dan laporan akhir pada Disember 2012); dan Pelan Strategik Pendidikan. Kajian semula ini dilakukan untuk mencetuskan transformasi sistem pendidikan untuk meningkatkan standard kualiti dan merapatkan jurang pencapaian pendidikan.

Daripada pelan strategik tersebut, apakah yang ingin dicapai oleh KPM?

Pelan Pembangunan Pendidikan (pelan jangka panjang) dan Pelan Strategik Pendidikan (pelan jangka pendek) menyatakan kedudukan prestasi pencapaian pendidikan pada masa ini dan aspirasi jangka panjang serta aspirasi dalam tempoh tiga tahun pelaksanaannya. Kesemua inisiatif yang dirangka menjurus kepada pencapaian aspirasi tersebut.

Makmal Pendidikan diadakan bersama-sama Makmal GTP2.0 dan buat kali ini, Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) pendidikan merupakan subset Pelan Pembangunan

Pendidikan iaitu meliputi tiga tahun pertama (2013-2015) pelaksanaan pelan jangka panjang tersebut. Sebanyak 28 inisiatif telah dihasilkan sepanjang enam minggu Makmal Pendidikan. Inisiatif tersebut merangkumi sembilan bidang keutamaan yang menjadi tumpuan dalam transformasi pendidikan (seperti yang dinyatakan di atas). Petunjuk prestasi utama bagi inisiatif yang dirangka untuk tiga tahun pertama pelaksanaan turut dikenal pasti.

Jurang pencapaian antara bandar dengan luar bandar masih ketara. Dalam kajian semula pendidikan ini adakah perkara itu menjadi elemen yang utama?

Usaha merapatkan jurang pencapaian pendidikan antara bandar dengan luar bandar masih menjadi salah satu agenda utama kerajaan yang dilihat dan diberikan tumpuan dalam kajian semula ini. Hakikat ini jelas dalam ucapan Tan Sri Muhyiddin Mohd. Yasin bahawa keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2011, iaitu sebagai usaha kerajaan untuk merapatkan jurang dan menyamaratakan peluang pendidikan berkualiti antara bandar dengan luar bandar juga nampaknya membuahkan kejayaan.

Jurang pencapaian akademik antara bandar dengan luar bandar berkurangan, tetapi masih wujud. Banyak anak di luar bandar yang masih memerlukan bantuan dan sokongan untuk meningkatkan pencapaian pendidikan mereka. Amnya, tahap sosioekonomi murid yang lebih rendah di luar bandar berbanding dengan murid di bandar juga menjadi punca pencapaian akademik murid yang rendah di luar bandar. Lantaran itu, KPM memberikan bantuan dan sokongan dalam pelbagai bentuk kepada mereka, seperti Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM), bantuan makanan tambahan, pakaian sekolah dan kemudahan asrama. Masih banyak perkara yang perlu dilakukan dan kajian semula ini memberikan tumpuan khusus terhadap inisiatif yang menjurus terhadap keberhasilan murid supaya jurang pencapaian pendidikan antara bandar dengan luar bandar dapat dikurangkan agar ekuiti dalam pendidikan dicapai.

seterusnya merangka pelan pembangunan dan pelan strategik pendidikan. PMO dan pasukan petugas bertanggungjawab secara langsung kepada Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran, Tan Sri Muhyiddin Mohd. Yasin yang memberikan nasihat dalam semua aspek kajian semula ini.

Untuk terus memastikan keberkesannya, turut dilantik panel penilai bebas dari dalam dan luar negara untuk membantu mendapatkan pandangan serta cadangan terhadap pelaksanaan kajian semula dan penghasilan pelan pembangunan pendidikan. Panel luar dipilih berdasarkan pengalaman dan kepakaran mereka dalam menjalankan kajian pendidikan di negara masing-masing. Mereka terdiri daripada empat orang pakar dalam bidang pendidikan dari Kanada, Korea Selatan, Singapura dan Eropah. Panel luar negara telah mengadakan telesidang bersama-sama pengurusan tertinggi KPM bagi membincangkan isu pendidikan serta mengemukakan pendapat serta idea bagi meningkatkan lagi kualiti sistem pendidikan negara.

Ahli panel dari luar negara ialah Dr. Andreas Schleicher (Ketua Bahagian Analisis dan Indikator dari OECD) yang bertanggungjawab antara lainnya terhadap pentadbiran kajian penaksiran antarabangsa Programme for International Student Assessment (PISA); Dr. Byong Man Ahn (mantan Menteri Pendidikan Korea) yang bertanggungjawab terhadap transformasi sistem pendidikan Korea; Dr. Michael Fullan (pakar pendidikan dan penasihat khas kepada Menteri Pendidikan Kanada) yang melonjakkan pendidikan di Ontario; dan Dr. Sing Kong Lee (Pengaruh National Institute for Education, Singapura) yang melakukan pembaharuan pendidikan di Singapura, khususnya dalam pendidikan guru.

Panel tempatan terdiri daripada 12 orang ahli yang membawaw merangkumi kumpulan berkepentingan termasuk ahli akademik, ahli korporat, wakil dari Sabah dan Sarawak serta wakil politik (MIC dan MCA).

Adakah wujud pelan strategik untuk membangunkan kajian tersebut?

Bagi melaksanakan kajian semula ini, pelan yang dirangka seperti yang berikut:

■ Menilai prestasi pencapaian sistem pendidikan sekarang berbanding dengan objektif asalnya sejak mencapai kemerdekaan dan berbanding dengan negara lain, serta memahami isu dan cabaran yang menjadi